

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]
TARIKH : ISNIN, 9 JUN 2014
RUJUKAN : L2 [PR-1322-L61631]
SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kedudukan rancangan memulihkan projek yang telah terbengkalai lama lagi memalukan negara iaitu projek Plaza Rakyat yang mana ia dihipit oleh projek mega sekitarnya yang sedang membangun.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, sesi pendengaran prosiding arbitrase telah tamat dan Datuk Bandar sedang menunggu keputusan muktamad atau "*award*", dengan izin, dibuat oleh penimbang tara berhubung kes tersebut. Menurut penimbang tara, keputusan dijangka akan diberikan dalam bulan Jun ini, melainkan suatu tarikh lain diberikan oleh penimbang tara.

Berhubung dengan kes yang dibawa oleh Plaza Rakyat Sdn. Bhd. terhadap Datuk Bandar Kuala Lumpur di Mahkamah Tinggi mempertikaikan "*ruling*", dengan izin, yang telah diberikan oleh penimbang tara pada 24 Oktober 2013, tarikh untuk pengurusan kes telah ditetapkan oleh Mahkamah pada 5 Jun 2014 dan pendengaran kes pada 30 Jun 2014.

Berhubung perlantikan syarikat Ivory Properties oleh Adamprimus, Datuk Bandar tidak pernah memberi persetujuan dan pengiktirafan terhadap perlantikan syarikat tersebut dan menganggap perlantikan berkenaan tidak mengikat Datuk Bandar.

Berhubung dengan 211 pembeli yang telah menandatangani perjanjian jual beli bagi pembelian unit-unit di projek Plaza Rakyat, pembeli-pembeli tersebut akan diberi peluang sama ada untuk meneruskan pembelian unit yang akan disediakan oleh pemaju baru atau bersetuju ditawarkan dikembalikan wang pendahuluan yang telah dibayar kepada Plaza Rakyat tertakluk kepada terma dan syarat yang akan ditetapkan kelak.